


Jangan hampakan harapan ibu bapa

UB 15/09/2011 B3

LABUAN: Pelajar yang terpilih melanjutkan pengajian di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) dinasihatkan agar tidak menghampakan harapan yang tinggi terhadap mereka.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof Dr Amran Ahmed berkata apabila berjaya memasuki UMS, ibu bapa mahu anak mereka beroleh kejayaan yang cemerlang dalam bidang akademik, sahsiah dan kokurikulum.

Katanya, ramai ibu bapa yang tidak mengetahui kedudukan anak mereka dalam tempoh tiga tahun



TAKLIMAT...Sebahagian pensyarah SPKAL dan SSIL yang menjayakan Taklimat Akademik.

menghargai pengorbanan ibu bapa yang sanggup bersusah payah semata-mata mahu melihat kejayaan anak mereka di universiti," katanya berucap ketika menyampaikan Taklimat Akademik kepada Pelajar Tahun Satu Sesi 2011/2012 di Dewan Utama, UMS-KAL, malam kelmarin.

Taklimat anjuran

terhadap pelajar yang sengaja melanggar peraturan akademik termasuk melakukan penipuan semasa peperiksaan dijalankan dan mengambil hak cipta orang lain hanya untuk mencapai keputusan yang cemerlang. Sehubungan itu, beliau mahu pelajar yang menghadapi masalah supaya sentiasa merujuk kepada

pensyarah ataupun mentor agar masalah berkenaan dapat ditangani dan diatasi segera sebelum mereka berada di Tahun Tiga.

Ini kerana, katanya, pensyarah yang mengajar, menyediakan soalan dan memeriksa jawapan pelajar yang memudahkan mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan dan tugas di lapangan.

"Kalau pelajar mengikut jadual yang telah ditetapkan, saya yakin mereka akan mendapat keputusan yang cemerlang sekaligus memudahkan mereka memperolehi pekerjaan yang baik selepas tamat pengajian kelak," katanya.

Pada majlis itu, Dr Amran turut menasihatkan pelajar supaya sentiasa menjaga keselamatan termasuk tidak memandu laju, menjaga pemakanan dan kesihatan ketika berada di UMS Labuan.



HADIR...Sebahagian pelajar perempuan Tahun Satu yang menghadiri Taklimat Akademik sesi 2011/2012.

pengajian sama ada mendapat keputusan yang baik atau sebaliknya.

Beliau berkata, selepas menjejakan kaki di menara gading, ibu bapa yang berada jauh di kampung halaman termasuk mereka yang berpendapatan rendah hanya mahu melihat kejayaan diperolehi oleh anak mereka.

Sehubungan itu, Amran menasihatkan pelajar supaya tidak mensia-siakan harapan tinggi ibu bapa yang telah banyak berkorban termasuk mengeluarkan kewangan, masa dan tenaga samarata mahu memastikan anak mereka berjaya dalam akademik dan kerjaya pada masa akan datang.

"Jangan buang masa anda ketika berada di UMS Labuan. Anda perlu

Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA) itu dihadiri Pemangku Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Penolong Pendaftar Kanan, BPA UMS-KAL, Roslan Gimba. Hadir sama pensyarah SPKAL, SSIL dan kakitangan BPA.

Amran berkata, pihak UMS akan mengambil tindakan lebih tegas



KHUSYUK...Pelajar lelaki Tahun Satu tekun mendengar Taklimat Akademik yang disampaikan oleh Dr Amran Ahmed.



BERSEDIA...Dr Amran (kanan) bersama Dr Ag Asri dan Roslan Gimba (kiri) sebelum Taklimat Akademik dimulakan di Dewan Utama UMS-KAL.